

PENDAHULUAN

Mata Pelajaran Pendidikan Islam adalah mata pelajaran wajib bagi semua pelajar Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah. Tumpuan diberikan kepada Asuhan Membaca al-Quran dan Rampaian Pendidikan Agama Islam di peringkat sekolah rendah, Tilawah al-Quran dan 'Ulum Syariah di peringkat sekolah menengah. Dengan demikian pelajar dapat menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai Islam untuk diamalkan dan dihayati dalam kehidupan harian.

Pelajar juga dikehendaki mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan penghayatan dalam bidang Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah kerana kedua-dua sumber tersebut adalah asas Perundangan Islam.

Di peringkat menengah atas pelajar diberi pilihan untuk mengambil mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai mata pelajaran elektif. Diharapkan melalui mata pelajaran elektif ini pelajar dapat memperkayakan lagi pengetahuan, kemahiran dan penghayatan yang berkaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah untuk diamalkan dan dihayati dalam kehidupan seharian.

sukatan pelajaran pendidikan al-quran dan al-sunnah kbsm

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia agar mata pelajaran ini dapat melahirkan insan yang berilmu, beriman, beramal salih dan bertaqwa serta bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

MATLAMAT

Matlamat mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah adalah untuk mendalami al-Quran dan al-Sunnah, dan ilmu yang berkaitan dengannya dalam memberi sumbangan kepada pembentukan dan perkembangan diri serta tamadun untuk menjadi muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh, berperibadi mulia dan bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. yang bertaqwa.

OBJEKTIF

Kurikulum Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah membolehkan murid mendapat:

1. Membaca, menghafaz, memahami, mengamal dan menghayati kandungan al-Quran dalam kehidupan.
2. Membaca, memahami, mengamal dan menghayati kandungan Hadis Rasulullah s.a.w.

sukatan pelajaran pendidikan al-quran dan al-sunnah kbsm

3. Memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan al-Quran dari aspek sejarah, sebab-sebab nuzul ayat serta pengumpulan al-Quran.
4. Mengenali, memahami dan menghurai istilah-istilah tertentu yang digunakan dalam 'Ulum al-Hadis.
5. Beradab dan berakhlak mulia dan terpuji, memelihara perpaduan ummah dan sanggup berkorban untuk agama, bangsa dan negara.
6. Menghargai dan menghayati perkembangan dan kemajuan Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w. hingga kini dalam bidang pendidikan, ekonomi, sosial, politik dan pembangunan.
7. Mengenali, menyanjungi dan mencontohi tokoh dan ahli fikir Islam yang terkemuka.

ORGANISASI KANDUNGAN:

Tujuan sukatan mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah ialah untuk memperkayakan para pelajar dengan ilmu al-Quran dan al-Sunnah serta memantapkan kefahaman mereka mengenai konsep-konsep dan huraian ilmu al-Quran dan al-Sunnah melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang terancang dalam dan luar bilik darjah.

Mata pelajaran ini mengandungi bidang-bidang Pengajian al-Quran, 'Ulum al-Quran, Pengajian al-Hadis, 'Ulum al-Hadis, Akhlak dan Tamadun Islam.

sukatan pelajaran pendidikan al-quran dan al-sunnah kbsm

Bidang Pengajian al-Quran menekankan aspek membaca, menghafaz dan memahami ayat-ayat tertentu. Sementara 'Ulum al-Quran membicarakan mengenai al-Quran, wahyu dan sejarah penulisan al-Quran. Manakala Pengajian al-Hadis menghuraikan hadis-hadis tertentu yang berkaitan dengan aspek budaya ilmu, budaya kerja, akhlak dan tamadun manusia. 'Ulum al-Hadis pula membincangkan kedudukan Hadis sebagai sumber kedua syariat Islam. Seterusnya bidang akhlak menjuruskan kepada pembentukan sifat-sifat mulia dan terpuji di kalangan pelajar. Akhirnya bidang Tamadun Islam memberi tumpuan kepada aspek perkembangan dan kesan tamadun Islam yang mencorakkan tamadun manusia dalam kehidupan sosial, pendidikan, politik dan ekonomi. Bidang ini juga membicarakan sumbangan tokoh-tokoh Islam terkemuka.

Bidang-bidang tersebut di atas merupakan kesepaduan dan penggabung-jalinan ilmu yang berpaksikan akidah Islamiah yang dapat melahirkan generasi yang sanggup mendukung dan membela keunggulan sumber Syariah Islamiah dan menghayati budaya ilmu, budaya kerja dan akhlak terpuji berasaskan kepada amalan risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan perjuangan para sahabat r.a. serta ulama

ISI PELAJARAN:

1. PENGAJIAN AL-QURAN

1.1 Membaca ayat-ayat berikut mengikut hukum tajwid :

1.1.1 Surah al-An'am, 6 : 1 - 165.

1.1.2 Surah al-Anfal , 8 : 1 - 75.

1.1.3 Surah al-Hajj, 22 : 1 - 78

1.1.4 Surah al-Mu'minun, 23 : 1 - 118.

1.1.5 Surah Luqman, 31 :1 - 34.

1.1.6 Surah Yasin, 36 : 1 - 83.

1.1.7 Surah al-Hujurat, 49 : 1 - 18.

1.1.8 Surah al-Rahman, 55 : 1 - 78.

1.1.9 Surah al-Taubah, 9 : 1 - 129.

1.1.10 Surah al-Nur, 24 : 1 - 38.

1.1.11 Surah al-Sajdah, 32 : 1 - 30.

1.1.12 Surah al-Waqiah, 56 : 1 - 96.

1.1.13 Surah al-Hasyr , 59 : 1 - 24

1.2 Mengetahui latar belakang, fadilat membaca, memahami pengertian, sebab nuzul, hikmat, pengajaran dan menghayati surah-surah berikut :

1.2.1 Surah al-An'am, 6 : 70

1.2.2 Surah al-An'am, 6 : 141

sukatan pelajaran pendidikan al-quran dan al-sunnah kbsm

- 1.2.3 Surah al-An'am, 6 : 162 – 163
- 1.2.4 Surah al-Anfal, 8 : 60-63
- 1.2.5 Surah al-Hajj, 22 : 11-13
- 1.2.6 Surah al-Hajj, 22 : 42 - 46
- 1.2.7 Surah al- Mu'minun, 23 : 1 - 11
- 1.2.8 Surah Luqman, 31 : 12 –19
- 1.2.9 Surah Yasin, 36 : 77 - 83
- 1.2.10 Surah al-Hujurat, 49 : 13
- 1.2.11 Surah al-Rahman, 55 : 1- 30
- 1.2.12 Surah al-Taubat, 9 : 6
- 1.2.13 Surah al-Taubat, 9 : 23 - 24
- 1.2.14 Surah al-Taubat, 9 : 102
- 1.2.15 Surah al-Taubat, 9 : 128 – 129
- 1.2.16 Surah al-Nur, 24 : 1 – 10
- 1.2.17 Surah al-Nur, 24 : 30 – 31
- 1.2.18 Surah al-Nur, 24 : 35
- 1.2.19 Surah al-Sajdah, 32 : 15 – 20
- 1.2.20 Surah al-Waqiah, 56 : 1 – 96
- 1.2.21 Surah al-Hasyr, 59 : 21 – 24

sukatan pelajaran pendidikan al-quran dan al-sunnah kbsm

1.3 Menghafaz surah-surah berikut mengikut hukum tajwid.

1.3.1 Surah Yasin, 36 : 1 – 83

1.3.2 Surah al-Sajdah, 32 : 1 – 30

2. 'ULUM AL-QURAN

2.1 'Ulum al-Quran dan kepentingannya.

2.2 Al-Quran dan nama-nama lain bagi al-Quran

2.3 Al-Quran sebagai mukjizat.

2.4 Kepentingan wahyu dan cara penurunnya.

2.5 Nuzul al-Quran.

2.6 Makkiyyah dan Madaniyyah.

2.7 Sejarah al-Quran di zaman Rasulullah s.a.w., Khulafa' al-Rasyidin dan Bani Umaiyyah.

2.8 Ilmu Tafsir dan kitab-kitab tafsir: Tafsir Qurtubi, Tafsir Ibnu Kathir, Fi Zilali al-Quran dan Tafsir al-Quran al-Hakim.

3. PENGAJIAN AL-HADIS

3.1 Membaca, memahami dan menghayati matan, pengertian serta hikmat pengajaran hadis-hadis berikut:

3.1.1 Kelebihan Menuntut Ilmu :

:

()

3.1.2 Kepentingan ulama :

()

3.1.3 Akhlak Yang Mulia :

()

3.1.4 Mensyukuri Nikmat Allah :

()

3.1.5 Menjauhi Sifat Yang Buruk :

()

3.1.6 Amalan Yang Baik di Sisi Allah :

()

3.1.7 Tanggungjawab individu :

()

3.1.8 Kepentingan Niat :

()

3.1.9 Kerjaya Terbaik :

:

:

:

.

()

3.1.10 Berpegang Kepada al-Quran dan al-Sunnah :

:

:

.

()

3.1.11 Mukmin Yang Kuat Lebih Dikasihi Allah :

.

()

4. **'ULUM AL-HADIS**

- 4.1 Pengertian hadis
- 4.2 Kedudukan hadis sebagai sumber kedua perundangan Islam.
- 4.3 Pengertian dan maksud Hadis Dirayah dan Hadis Riwayah.
- 4.4 Perbezaan antara Hadis Nabawi, Qudsi dan al-Quran.
- 4.5 Khabar Mutawatir dan Ahad serta hukum beramal dengannya.
- 4.6 Perbezaan antara Hadis Sahih, Hasan, Da'if dan hukum beramal dengannya.
- 4.7 Syarat-syarat perawi hadis.
- 4.8 Huraian istilah-istilah berikut :

Rawi (), Sanad (), Isnad (),

Musnad (), Musnid () dan Matan ().

- 4.9 Jenis Hadis dan hukum beramal dengannya :

4.9.1 Marfu' (), Mauquf (),

(Mursal)

4.9.2 Maqtu' (), Syaz (),

Maudu' ()

4.10 Istilah ahli Hadith :

Muhaddis (), Hafiz (), Hujjah (),

Hakim ()

4.11 Sunan al-Sittah iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim,
Sunan al-Tirmizi, Sunan Abu Daud, Sunan al-Nasa'i dan
Sunan Ibn Majah.

5. AKHLAK

5.1 Adab terhadap Rasul

5.2 Adab berfikir

5.3 Adab amar maaruf nahi mungkar

5.4 Adab berhias diri

5.5 Adab ziarah jenazah

5.6 Adab menjaga orang sakit

5.7 Adab di tempat rekreasi

5.8 Adab menjaga kemudahan awam

5.9 Adab menjaga alam.

- 5.10 Adab memberi dan menerima sedekah dan hadiah.
- 5.11 Adab berpidato.
- 5.12 Adab bernegara.
- 5.13 Adab musafir.
- 5.14 Adab berjual beli.
- 5.15 Adab berjuang.
- 5.16 Adab dengan pemimpin.

6. TAMADUN ISLAM

- 6.1 Tamadun Islam pada zaman Khulafa' al-Rasyidin dan kesannya :
 - 6.1.1 Pentadbiran.
 - 6.1.2 Kepimpinan (ekonomi, politik dan sosial)
 - 6.1.3 Perluasan pengaruh.
- 6.2 Tamadun Islam pada zaman Khilafah Bani Umayyah dan Bani 'Abbasiyah serta kesannya terhadap tamadun manusia :
 - 6.2.1 Penyebaran Islam
 - 6.2.2 Ketenteraan
 - 6.2.3 Pendidikan
 - 6.2.4 Kehakiman
 - 6.2.5 Perekonomian

sukatan pelajaran pendidikan al-quran dan al-sunnah kbsm

6.2.6 Perkembangan ilmu : Matematik, Sains, Fizik,
Farmakologi, Pertanian, Falsafah dan
Kesusasteraan.

6.3 Tokoh-tokoh Islam :

6.3.1 Al-Imam Abu Hanifah r.a.

6.3.2 Al-Imam Malik r.a.

6.3.3 Al-Imam al-Syafie r.a.

6.3.4 Al-Imam Ahmad bin Hanbal r.a.

6.3.5 Al-Imam al-Ghazali r.a.

6.3.6 Al-Imam Ibn Taimiyah.

6.3.7 Abu A'la al-Maududi.

6.3.8 Al-Syeikh Mohamad Idris al-Marbawi.

6.3.9 Ibn. Sina.

6.3.10 Al-Khawarizmi.

6.3.11 Ibn Khaldun.

6.3.12 Syeikh Daud Fatoni.

6.3.13 Hasan al-Bana.

6.3.14 Syeikh Tahir Jalaludin.

6.3.15 HAMKA.

6.4 Islam di Nusantara :

6.4.1 Samudera – Pasai.

6.4.2 Aceh.

